

TEORI PENTERJEMAHAN TIDAK LANGSUNG DALAM TERJEMAHAN ARAB MELAYU

Muhammad Firdaus Abdul Manaf, Mohd Zaki Ahmad, Mohamad Redha Mohamad
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor
firdaus@kuis.edu.my

ABSTRAK

Terjemahan bukanlah satu kerja yang mudah kerana penterjemah mestilah memahami teori penterjemahan terlebih dahulu sebelum memilih kaedah terjemahan yang sesuai. Makalah ini memberikan tumpuan kepada teori-teori penterjemahan tidak langsung dalam terjemahan Arab Melayu. Kajian ini merupakan kajian kualitatif yang menggunakan kaedah kepustakaan dalam mengumpulkan data dan kemudiannya dianalisis secara kontrasif antara beberapa teori penterjemahan tidak langsung. Dapatan kajian membolehkan para pengkaji mengetahui latar belakang setiap teori ini secara umum dengan membuat perbandingan antara satu sama lain dalam memilih kaedah terjemahan yang sesuai dengannya. Hasil kajian boleh dijadikan input dalam membangunkan teori penterjemahan Arab Melayu dan mampu memberikan implikasi penting kepada golongan yang terlibat secara langsung dalam bidang penterjemahan iaitu para pelajar, guru serta peminat ilmu terjemahan.

Kata Kunci: Perbandingan, Teori, Penterjemahan, Bahasa Arab, Bahasa Melayu

1. PENDAHULUAN

Teori terjemahan sebenarnya satu disiplin linguistik yang menjelaskan kerangka pendekatan atau aliran pemikiran yang digunakan dalam sesuatu kaedah penterjemahan yang hendak dilakukan (Newmark 1981: 21). Maheram Ahmad (2008: 128-129) menyebut bahawa teori penterjemahan ini membekalkan semacam kerangka dasar, petunjuk dan peraturan untuk menterjemahkan teks dan menilai terjemahan. Ia juga dianggap sebagai satu gambaran latar untuk menyelesaikan sesuatu masalah terjemahan. Oleh demikian, banyak teori baharu dalam bidang penterjemahan yang ditemui mengikut peredaran zaman. Masing-masing mempunyai pendekatan tersendiri dalam menterjemahkan sesuatu teks bahasa sumber ke dalam bahasa sasaran. Ada teori yang setia kepada teks bahasa sumber dan ada juga yang setia kepada teks bahasa sasaran.

2. TEORI PENTERJEMAHAN TIDAK LANGSUNG

Muhammad Arshad Abdul Majid (2009: 71) membahagikannya teori-teori ini secara umumnya terbahagi kepada dua bahagian besar iaitu teori penterjemahan langsung atau '*direct translation*' dan teori penterjemahan tidak langsung atau '*indirect translation*'. Kajian ini memberikan tumpuan kepada penterjemahan tidak langsung yang memberikan perhatian kepada teks bahasa sasaran. Teori jenis ini membenarkan penterjemah mengadaptasi, mengubah suai, menokok tambah dan membuang unsur-unsur seperti morfologi, sintaksis, semantik, stilistik serta bentuk keseluruhan wacana asal. Aliran ini menekankan pembaca bahasa sasaran sebagai khalayak utama sesuatu terjemahan dihasilkan. Menurut teori ini, penekanan terhadap keselesaan pembaca dalam memahami sesebuah karya terjemahan amat dititikberatkan. Penterjemahan cara ini tidak setia kepada bahasa sumber sepenuhnya daripada aspek susunan bentuk asalnya, walaupun isi kandungannya dikekalkan.

Penterjemah adakalanya mentafsir bagi pihak pembaca serta membina semula susunan kata baharu yang sejadi dengan budaya, bentuk dan kaedah bahasa sasaran. Sebagai contoh perkataan putih seperti 'salji' diterjemahkan dengan perkataan putih seperti 'salju' atau 'kapas' kerana

mungkin budaya bahasa sasaran tersebut tidak mempunyai salji. Lazimnya aliran ini sesuai diterapkan dalam wacana seperti karya ilmiah, akhbar dan ucapan awam. Justeru kebiasaannya, pendekatan ini tidak sesuai untuk terjemahan al-Quran kerana dikhuatiri isi, konteks dan kesan teks bahasa al-Quran ini akan terjejas kerana terpaksa disejajarkan dalam budaya konteks bahasa sasaran kecuali pada beberapa tempat. Terdapat empat pembahagian teori penterjemahan tidak langsung ini. Antaranya ialah komunikatif, dinamik, bebas dan idiomatik (Puteri Rosalina Abdul Wahid 2012: 54).

i. Komunikatif

Menurut Newmark (1981: 25), teori ini bermaksud menghasilkan terjemahan yang mempunyai kesan atau reaksi sebaik mungkin kepada pembaca teks bahasa sasaran sepertimana yang dirasai oleh pembaca teks bahasa sumber. Beliau yang memperkenalkan teori ini memberi tumpuan kepada aspek kesan dan semangat berbanding dengan isi, pesan atau mesej bahasa sumber. Sebagai contoh perkataan *'Let's all play'* yang diterjemahkan sebagai 'Ayuh! Mari kita bermain' mempunyai unsur semangat berbanding dengan terjemahan 'Mari semua bermain'.


Contoh terjemahan komunikatif lain seperti ayat *'hayya 'ala al-salah'* (حَيِّ عَلَى الصَّلَاة). Perkataan *hayya* membawa maksud 'marilah', 'cepatlah' atau 'ayuh' (*Kamus Besar Arab Melayu Dewan KBAMD 2006: 559*). Perkataan *'ala al-salah* bermaksud 'menunaikan solat' (*KBAMD 2006: 136*). Akhirnya perkataan *'hayya 'ala al-salah'* diterjemahkan sebagai 'Ayuh! Tunaikan solat' dan bukannya 'Mari laksanakan solat'. Terjemahan 'Ayuh! Tunaikan solat' ini dianggap tepat kerana terdapat unsur kesan terhadap reaksi dan semangat pembaca teks bahasa sasaran sebaik mungkin sepertimana yang dirasai oleh pembaca teks bahasa sumber, sedangkan terjemahan 'Mari laksanakan solat' dianggap tidak tepat pula kerana unsur kesan terhadap reaksi dan semangat pembaca teks bahasa sasaran belum dapat dirasai sepenuhnya oleh pembaca teks bahasa sumber.

Sillar (1988: 17) menyatakan bahawa penterjemah mempunyai hak untuk menulis dengan gaya bahasanya sendiri dalam bentuk yang lebih baik supaya pembacaannya lancar tanpa kesamaran semasa membaca teks terjemahan. Penterjemahan ini akan dilakukan dengan memindahkan sebanyak mungkin unsur asing ke dalam budaya dan bahasa pembaca sasaran, di samping menghormati bentuk teks dalam bahasa sumber. Menurut Fauzi Jumingan (2001: 53), teori ini popular dalam kalangan penterjemah komersial yang melibatkan terjemahan berbentuk karya kreatif iaitu bukan sastera seperti rencana, akhbar, buku teks, penulisan awam, brosur dan maklumat promosi barang. Namun, Newmark (1981: 26) tidak menggalakkan kaedah ini digunapakai dalam penterjemahan teks suci kerana kluatir beberapa unsur yang sukar diterjemahkan seperti unsur budaya dan adat resam bahasa sumber akan dibuang. Hal ini kerana salah satu pendekatan komunikatif ialah proses pengadaptasian budaya sumber kepada budaya sasaran sehampir mungkin, walaupun kadang-kadang nilai budaya dalam bahasa asal itu diketepikan (Hervey 1992: 42).

ii. Dinamik

Nida memperkenalkan istilah dinamik atau dinamis ini dalam bukunya *'Towards A Science of Translation'* (1964: 166) ketika menterjemahkan kitab Injil. Penterjemahan ini dilakukan dengan menekankan makna mesej teks asal yang hendak disampaikan dan kesan pembacaan, bersesuaian dengan konteks budaya penerima iaitu bahasa sasaran. Proses ini mestilah bersifat natural serta

tidak berbau unsur terjemahan yang melalui tiga peringkat termasuklah proses analisis, pemindahan mesej dan menstruktur semula nahu bahasa sasaran. Setelah sesuatu teks bahasa sumber dianalisis, makna yang difahami akan dipindahkan ke dalam bahasa sasaran dengan melalui proses pengstruktur semula nahu mengikut bahasa sasaran terlebih dahulu. Rajah berikut menjelaskan secara ringkas kaedah penterjemahan menggunakan teori ini dilakukan.



Rajah 2.2 Peringkat penterjemahan mengikut konsep dinamik

Menurut Mohd Bakri Aziz @ Saari (2010: 47-48), penterjemahan menggunakan teori ini tidak terikat dengan bentuk asal teks bahasa sumber, malah hasil terjemahan mestilah mempunyai bentuknya yang tersendiri. Ia cenderung kepada bentuk dan struktur bahasa sasaran. Tujuan utamanya ialah penyampaian mesej teks sumber kepada pembaca sasaran sebaik-baiknya. Ia tidak memaksa pembaca teks bahasa sasaran memahami corak budaya dalam konteks bahasa sumber untuk mendapatkan mesej yang disampaikan. Untuk menghasilkan terjemahan yang bersifat dinamik, penterjemah seharusnya membuat pengubahsuaian dalam aspek tatabahasa seperti susunan perkataan, pertukaran bentuk kata nama kepada kata kerja dan sebagainya. Sebagai contoh firman Allah S.W.T:

وَبِالنَّوَالِدَيْنِ إِحْسَانًا

(Surah al-Isra' 17: 23)

Teks Terjemahan:

Dan hendaklah kamu berbuat baik pada ibu bapamu sebaik-baiknya (*Terjemahan Hidayah al-Quran al-Karim THQK* 2013: 284).

Ayat al-Quran ini jelas menunjukkan bahawa terjemahan yang dilakukan adalah bersifat dinamik. Perkataan *wa* diterjemahkan sebagai 'dan', *bi al-walidayn* diterjemahkan sebagai 'pada ibu bapa' (*KBAMD* 2006: 2691) dan *ihsana* diterjemahkan sebagai 'berbuat baik' (*KBAMD* 2006: 443). Oleh demikian ayat '*wa bi al-walidayn ihsana*' (وَبِالنَّوَالِدَيْنِ إِحْسَانًا) diterjemahkan sebagai 'dan pada ibu bapa berbuat baik'. Setelah melalui peringkat analisis dan pemindahan mesej daripada bahasa sumber kepada bahasa sasaran, terjemahan akan melalui proses pengstruktur semula ayat mengikut nahu bahasa sasaran agar terjemahan yang dihasilkan dapat difahami dan bersifat natural. Akhirnya terjemahan yang dianggap tepat mengikut teori ini ialah 'Dan hendaklah kamu berbuat baik pada ibu bapamu sebaik-baiknya' sebagaimana

terjemahan yang didapati pada terjemahan ayat al-Quran sebelum ini. Newmark (1981: 127) menyebut bahawa kaedah ini ada masanya berkemungkinan akan menghasilkan terjemahan bersifat tafsiran yang besar sekali. Menurut Nida, pendekatan ini sesuai diterapkan dalam penterjemahan Injil serta teks kreatif lain seperti cerpen dan novel. Puteri Rosalina Abdul Wahid (2012: 59) menyebut bahawa terdapat empat prinsip bagi terjemahan dinamik ini, antaranya ialah:

- a. Keselarasan konteks pembaca sasaran lebih diutamakan daripada keselarasan perkataan demi perkataan dikemukakan. Dua perkataan yang sama mungkin berlainan ertinya dalam konteks tertentu. Terjemahan mestilah menepati konteks.
- b. Pembaca teks asal dan pembaca teks terjemahan mestilah mengalami kefahaman, perasaan dan tindakan yang sama.
- c. Bentuk-bentuk bahasa yang didengari hendaklah diutamakan lebih dahulu daripada bentuk bertulis.
- d. Keperluan pembaca sasaran hendaklah lebih diutamakan daripada bentuk bahasa asal. Ini akan membantu menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh pembaca teks terjemahan.

Oleh kerana konsep dinamik ini termasuk dalam penterjemahan tidak langsung yang lebih menumpukan kepada budaya serta nahu bahasa sasaran, penterjemahan cara ini kurang sesuai diterapkan dalam penterjemahan al-Quran kerana ia menekankan kepada makna mesej semata-mata serta mengabaikan bentuk teks asal, selain dikhuatiri nilai asli yang terdapat di dalamnya tidak akan dapat diterjemahkan dengan baik kerana kekangan budaya dan bahasa penerima. Namun pada sebahagian ayat al-Quran, teori sebegini masih relevan digunakan kerana ia menekankan konsep penterjemahan makna dan kesan yang dapat dirasai oleh pembaca sasaran sama seperti pembaca teks asal. Aionon Muhammad (2001: 72-75) juga memperkenalkan kaedah penterjemahan menggunakan konsep ini. Terjemahan dinamik bagi beliau ialah penyalinan semula ke dalam bahasa penerima maklumat pada bahasa sumber dalam bentuk persamaan terdekat dan sejadi; pertama daripada segi makna dan kedua daripada segi gayanya. Menurut Muhammad Arshad Abdul Majid (2009: 53-56), Nida (1964: 225-226) memperkenalkan enam aspek penting dalam teori terjemahan dinamik ini seperti berikut:

- a. Penyalinan semula
Ia dilakukan melalui penyesuaian semula tatabahasa dan perkataan mengikut bahasa sasaran. Sebagai contoh kata arahan, *'keep clear'* yang ditulis pada kawasan letak kereta tidak sepatutnya diterjemahkan sebagai 'simpan kosong'. Memadailah kalau ia diterjemahkan sebagai 'kosongkan'.
- b. Persamaan lawan keserupaan
Tujuan terjemahan menggunakan teori ini ialah mencari bentuk-bentuk yang sama dengan bahasa sasaran dan bukannya menyalin semula maklumat yang serupa. Sebagai contoh, apabila terjemahan yang diperolehi ialah 'empat *kepala* kambing', ia mestilah ditukar kepada 'empat *ekor* kambing'. Hal ini kerana penggunaan istilah 'kepala' bagi penjodoh bilangan dalam bahasa

Melayu tidak sesuai untuk binatang. Justeru, ia diubah kepada ‘ekor’ untuk terjemahan yang lebih tepat.

c. Persamaan yang bersahaja

Penggunaan ciri-ciri asli bahasa sasaran dalam terjemahan dilakukan tanpa mengambil bentuk-bentuk ungkapan bahasa sumber yang asing baginya. Sebagai contoh apabila terjemahan yang diperoleh ialah ‘setelah saya melihatnya, maka kecantikannya itu mengagumkan saya’ lebih bersahaja dan tepat jika ditukar kepada ‘setelah saya melihatnya, saya kagum dengan kecantikannya’.

d. Persamaan terdekat

Terjemahan yang dilakukan menggunakan persamaan yang paling dekat dengan kehendak dan mesej bahasa sumber. Sebagai contoh perkataan ‘*mentally distressed*’ mempunyai banyak maksud termasuklah ‘dirasuk hantu’, ‘tekanan jiwa’, ‘sakit jiwa’ dan sebagainya. Justeru, ia diterjemahkan mengikut kehendak ayat bahasa sumber melalui persamaan yang terdekat dengan bahasa sasaran.

e. Keutamaan makna

Isi atau maklumat dalam teks bahasa sumber menjadi keutamaan dalam terjemahan. Adakalanya penterjemah perlu membuat perubahan supaya ia dapat dikekalkan maknanya dalam bahasa sasaran. Misalnya ungkapan ‘*he has a family*’ diterjemahkan sebagai ‘dia sudah berumahtangga’ dan bukannya ‘dia mempunyai keluarga’ kerana mungkin konteks ayat adalah sebegini.

f. Kepentingan gaya

Kesan negatif timbul apabila unsur gaya yang sepatutnya, tidak ada pada sesuatu teks. Sebagai contoh sesuatu teks puisi tidak sepatutnya diterjemahkan dalam bentuk gaya prosa atau seumpamanya. Terjemahan cara ini sebenarnya mementingkan kesan melalui gaya yang dipersembahkan. Justeru, reaksi yang dialami oleh pembaca terjemahan mestilah serupa dengan reaksi yang dialami oleh pembaca teks bahasa sumber.

iii. Bebas

Menurut Roman Jakobson (1966: 31), aliran bebas ini juga dikenali sebagai ‘*sense of sense translation*’. Teori ini mengekalkan makna asal tetapi menggunakan bentuk natural bahasa sasaran termasuklah susunan kata dan sintaksisnya agar dapat difahami dengan mudah. Ini bermakna konsep ini dilaksanakan dengan mengambil isi serta maklumat penting sahaja dalam teks sumber tetapi mengubah, mengadaptasi, membuang dan membetulkan segala bentuk struktur nahu teks asal. Proses ini dilakukan agar terjemahan teks tersebut kelihatan bersahaja, sejadi dan memudahkan pembaca kedua. Sebagai contoh perkataan ‘*hayya ‘ala al-salah*’ (حَيِّ عَلَى الصَّلَاةِ) yang digunakan untuk terjemahan komunikatif sebelum ini. Perkataan *hayya* membawa maksud ‘marilah’, ‘cepatlah’ atau ‘ayuh’ (KBAMD 2006: 559). Perkataan ‘*ala al-salah*’ bermaksud ‘menunaikan solat’ (KBAMD 2006: 136). Namun apabila ia diterjemahkan melalui teori bebas ini, ia lebih difahami dengan terjemahan ‘Jom solat’ dan bukannya ‘Mari tunaikan solat’, ‘Mari laksanakan solat’ atau ‘Ayuh laksanakan solat’. Ini kerana terjemahan ‘Jom solat’ dianggap tepat dalam konteks bersahaja dan ia lebih natural digunakan oleh pembaca bahasa sasaran pada sesuatu tempat dan keadaan. Dalam terjemahan bebas, pesanan, makna dan mesej amat diberikan perhatian dan bentuk bahasa asal pula kurang diberikan tumpuan.

Oleh demikian, penterjemahan al-Quran melalui konsep ini tidak sesuai dipraktikkan kerana bentuk asal bahasanya kurang ditumpukan dan banyak proses adaptasi ke dalam bahasa sasaran akan mencacatkan nilai bahasa al-Quran itu sendiri. Hal ini ditambah lagi dengan terdapat segelintir penterjemah gaya ini yang terlalu bebas menterjemah sehingga menyimpang jauh daripada tugas sebenar penterjemah (Puteri Rosalina Abdul Wahid 2012: 59).

iv. Idiomatik

Brislin (1976: 71) menyebut bahawa Beekman dan Callow memperkenalkan istilah ini pada tahun 1974. Menurut beliau, idiomatik berasal daripada perkataan idiom yang membawa maksud bentuk ungkapan yang terdapat dalam sesuatu bahasa. Dalam menterjemah teks asal, seseorang penterjemah ada kalanya berhadapan dengan kesukaran untuk mengagak apa makna ungkapan yang terdapat pada sesuatu ayat. Kemampuan seseorang untuk menterjemah bentuk-bentuk idiom daripada sesuatu bahasa sumber kepada bahasa sasaran sangat bergantung kepada penguasaan bahasa sumbernya. Mildred (1998: 89) menyebut bahawa teori ini merujuk kepada penterjemahan makna teks asal yang mengandungi ungkapan-ungkapan tersebut dengan menggunakan acuan bahasa teks sasaran semurni mungkin. Dengan perkataan lain, ungkapan yang terdapat pada teks bahasa sumber diterjemahkan setepat mungkin dalam keadaan bersahaja, tidak berbau terjemahan dan mempunyai nilai bahasa tertentu. Sebagai contoh ayat *'When I first learned the news of him, it was as though I'd been covered by a blanket of snow'* diterjemahkan sebagai 'Pertama kali aku mendapat tahu berita mengenainya, diriku seram sejuk ketakutan'. Ungkapan *'a blanket of snow'* diterjemahkan sebagai 'seram sejuk ketakutan' dan bukannya 'diselubungi oleh saji' kerana terjemahan tersebut menggunakan pendekatan idiomatik yang menuntut terjemahan dilakukan dengan pemahaman yang jelas terhadap ungkapan bahasa sumber ke dalam bentuk ungkapan yang lain ke dalam bahasa sasaran pula. Sebagai contoh yang lain:

رَاحَتِ الْأَطْيَارُ تَشْدُو فِي لَيْالِي الْمَوْلِدِ

Teks Terjemahan:

Burung-burung itu riang berkicauan pada malam kelahirannya.

Perkataan *rahat* bermaksud 'tenang' atau 'gembira' (KBAMD 2006: 985), *al-atyar* bermaksud 'burung-burung' (KBAMD 2006: 1484), *tashdu* bermaksud 'berkicau' (KBAMD 2006: 1244), *fi* bermaksud 'pada', *layali* bermaksud 'malam' (KBAMD 2006: 2153) dan *al-maulid* bermaksud 'hari kelahiran' (KBAMD 2006: 2691). Jadi keseluruhan ayat *'rahat al-atyar tashdu fi layali al-maulid'* diterjemahkan sebagai 'Burung-burung itu berkicau dengan gembira pada malam kelahirannya'. Namun apabila terjemahan dilakukan mengikut teori idiomatik ini, ia mesti diterjemahkan sebagai 'Burung-burung itu riang berkicauan pada malam kelahirannya' bagi mendatangkan kesan terhadap ungkapan idiom riang gembira pada ayat tersebut. Perkataan *rahat* diterjemahkan sebagai 'riang' daripada maksudnya yang asal iaitu tenang atau gembira untuk menjelaskan makna tersirat di sebalik perkataan tersebut.

3. KESIMPULAN

Berdasarkan teori-teori penterjemahan yang dijelaskan sebelum ini, ada sebahagian daripadanya sesuai digunakan sebagai kerangka sesuatu proses terjemahan. Manakala sebahagiannya pula tidak sesuai dan ia bergantung kepada konteks sesuatu teks sama ada yang memberikan tumpuan kepada bahasa sumber mahupun bahasa sasaran. Teori-teori terjemahan terbahagi kepada dua

bahagian besar iaitu teori penterjemahan langsung dan teori penterjemahan tidak langsung. Teori penterjemahan tidak langsung terdiri daripada komunikatif, dinamik, bebas dan idiomatik merupakan terjemahan yang setia kepada bahasa sasaran. Konsep setiap teori yang dinyatakan sebelum ini seakan-akan sama, namun masing-masing mempunyai ciri-ciri tertentu yang membezakan antara satu sama lain. Berikut merupakan kesimpulan perbandingan antara kelompok pecahan bagi teori penterjemahan tidak langsung yang dikemukakan sebelum ini:

Jadual 2.6 Kesimpulan perbandingan jenis penterjemahan tidak langsung

Bil.	Jenis	Kesimpulan
1.	Komunikatif	Menumpukan kepada kesan, reaksi dan semangat sebaik mungkin kepada pembacanya sepertimana yang dirasai oleh pembaca teks asal.
2.	Dinamik	Menekankan makna mesej teks asal yang hendak disampaikan dan kesan pembacaan, bersesuaian dengan konteks budaya penerima iaitu bahasa sasaran.
3.	Bebas	Mengambil isi serta maklumat penting sahaja dalam teks sumber tetapi mengubah, mengadaptasi, membuang dan membetulkan segala bentuk struktur nahu teks asal. Ini dilakukan agar terjemahan teks tersebut kelihatan bersahaja, sejadi dan memudahkan pembaca kedua.
4.	Idiomatik	Menterjemah makna teks asal yang mengandungi ungkapan-ungkapan unik atau idiom dengan menggunakan acuan bahasa teks sasaran semurni mungkin.

4. RUJUKAN

Al-Quran al-Karim.

Ainon Muhammad. 2001. Panduan Penterjemahan. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.

Brislin, Ricard W. 1976. Application and Research. New York: Gardner Press.

Hervey, Sandor G. J. 1992. Thinking Translation: A Course in Translations Method. London & New York: Routledge.

Kamus Besar Arab-Melayu Dewan. 2006. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.

Larson, Mildred. 1998. Meaning-Based Translation; A Guide to Cross-Language Equivalence. England: University Press of America.

Larson, Mildred. 1988. Penerjemahan Berdasarkan Makna: Pedoman Untuk Pemadanan Antarbahasa. Jakarta: Penerbit ARCAN.

Maheram Ahmad. 2008. Permasalahan Penterjemahan Arab-Melayu: Satu Analisis Teks Sastra. Tesis Dr. Fal. Universiti Malaya.

Mohd Bakri Aziz @ Saari. 2010. Ketepatan Padanan Terjemahan Puisi Arab Dalam Kitab La Tahzan: Satu Analisis Bandingan. Disertasi Sar. Universiti Kebangsaan Malaysia.

Muhammad Arsyad Abdul Majid. 2009. Terjemahan Arab-Melayu Dari Sudut Makna Pengkhususan: Satu Analisis Pendepanan Dalam Surah al-Baqarah. Tesis Dr. Fal. Universiti Kebangsaan Malaysia.

Muhammad Fauzi Jumingan. 2001. Aliran dan Teori Pentejemahan Moden. Monograf Bahasa, Sastra dan Budaya Melayu. Serdang: Universiti Putra Malaysia

Newmark, Peter. 1981. Approaches to Translation. Oxford: Pergamon Press.

Nida, Eugene A. 1964. Toward A Science of Translation. Leiden: E. J. Brill.

- Puteri Roslina Abdul Wahid. 2012. Meneroka Penterjemahan Bahasa Melayu. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Roman Jakobson. 1966. On Linguistic Aspects of Translation. England: Oxford University Press.
- Sillar, S. 1988. Success in Communication. Suffolk: John Murray.